PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

*Telefon : 603-5544 7000*
*No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628*
*E-mail : ptgs@selangor.gov.my*
*URL : http://ptg.selangor.gov.my*
*Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)*

Ruj. Kami: Bil.(79)dlm.PTGS/BPH/10/31/99(LG) Jld.28
Tarikh : 29 Januari 2021
16 Jamadilakhir 1442H

***EDARAN SEGERA***

**Badan Peguam Malaysia**
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur**
Tingkat 4,
Wisma Hangsam,
No.1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

**Jawatankuasa Peguam Selangor**
No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

**Ketua Pengarah**
**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**
Aras 4, Podium 1,
Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Putrajaya

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN PEMBUKAAN OPERASI KAUNTER TINGKAT G (UNIT PEMBETULAN, UNIT PERMOHONAN HAKMILIK HILANG/HANCUR DAN UNIT PENYELESAIAN HAKMILIK) SECARA TERKAWAL PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR BERMULA PADA 2 FEBRUARI 2021 (SELASA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Kaunter Tingkat G, Bahagian Pendaftaran Hamilik akan mula beroperasi secara terkawal** bermula **pada 2 Februari 2021 (Selasa)** seperti kaedah berikut:

i. *Kaunter Tingkat G akan beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari sahaja.*
ii. *Hanya 30 nombor giliran disediakan setiap hari sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).*
iii. *Nombor giliran yang diambil terhad kepada Urusan - Permohonan dan Pungutan dokumen pembetulan, Permohonan dan Pungutan dokumen Unit Penyelesaian Hakmilik, serta Permohonan dan Pungutan Hakmilik Hilang/Hancur sahaja.*
iv. *Urusan yang dibenarkan adalah terhad kepada 5 urusan sahaja bagi setiap Penyerah.*
v. *Pihak peguam dan orang ramai perlu membuat tempahan slot temujanji sehari sebelum temujanji pungutan dibuat.*
vi. *Bagi urusan kaunter Tingkat G bermula pada 2 Februari 2021 (Selasa), pihak peguam dan orang ramai perlu mengimbas kod QR pada 1 Februari 2021 (Isnin) bermula jam 11.00 pagi dan pihak yang berjaya mendapatkan nombor giliran perlu mencetak slip pengesahan tersebut untuk dibawa semasa hadir membuat urusan di kaunter Tingkat G. Kaedah ini adalah sama untuk pungutan bagi hari-hari berikutnya.*
vii. *Sesi tempahan slot pungutan melalui imbasan kod QR akan dibuka pada jam 11.00 pagi setiap hari sehingga selesai nombor giliran yang diperuntukkan.*
viii. *Pihak yang berjaya mendapatkan slot temujanji perlu hadir membawa slip pengesahan nombor giliran semasa hadir temujanji untuk urusan di kaunter Tingkat G.*
ix. *Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan angka giliran tuan/puan adalah terbatal.*
x. *Untuk urusan pembayaran hakmilik hilang, perlu dibuat secara* ***online*** *dan resit pembayaran perlu dikemukakan semasa serahan dokumen dibuat.*

3. Sebarang pertanyaan lanjut pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan boleh melayari laman web rasmi PTGS di https://ptg.selangor.gov.my atau email ptgs@selangor.gov.my dan sebarang perubahan dan informasi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul di pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Kerjasama semua pihak berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HJ MOHD NORSHAHNAZ BIN MD ZAHIR)**
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

**s.k:**

**Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor**

**Timbalan Pengarah (Pengurusan)**
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Timbalan Pengarah (Pendaftaran)**
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah (Kanan)**
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah**
Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah**
Bahagian Hakmilik Strata
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah**
Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah**
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah**
Bahagian Korporat, Audit Pengurusan Tanah dan Inovasi
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah I**
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah II**
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor